



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SUMBANGAN RAKAN STRATEGIK YKN MELALUI ‘CORPORATE SHARED VALUE’

PUTRAJAYA, 17 MAC – Menyedari kepentingan konsep perkongsian nilai korporat atau *corporate shared value (CSV)*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia (YKN) hari ini telah menerima sumbangan sejumlah RM31,000.00 daripada MyNIC Berhad bagi pembelian *tablet* untuk diedarkan kepada murid-murid miskin B40 yang terpilih. Inisiatif ini merupakan perkongsian strategik ke arah peningkatan kesejahteraan kumpulan sasar KPWKM.

Menurut Datuk Seri Rina, pendekatan konsep CSV ini perlu dipertingkat dan diperluaskan lagi bagi memberi lebih ruang dan peluang usahasama yang boleh djalinkan dengan pelbagai syarikat korporat, individu dan orang ramai bukan sahaja dalam menyantuni dan membangunkan kumpulan sasar KPWKM malah melalui projek-projek YKN seperti Anjung Kasih YKN, Anjung Singgah YKN dan YKN Dialisis.

Sumbangan rakan strategik YKN daripada MyNIC Berhad disampaikan oleh YBhg. Ts. Hasnul Fadhlly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif, MyNIC Berhad kepada YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Penggerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di KPWKM pada hari ini.

Hadir sama YBhg. Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Puan Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Norafizah Shiak Abd Rahman, Ketua Pegawai Operasi, MyNIC Berhad, Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Nama Akaun		Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad	
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284	

Disediakan oleh:

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat

Yayasan Kebajikan Negara

Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya.

03-8323 2437/2420